

ABSTRACT

This study explores the role of motivational techniques in improving college students' reading skills. The study employed an experimental design involving an experimental and a control group. A Pretest and a Posttest as well as an Index of Reading Awareness (IRA) were used to gather data for the study.

Two classes consisting of 52 students of similar English language ability were randomly selected and taught by two different teachers. The Experimental group was exposed to selected motivational techniques in the reading classroom while the Control group received no instruction in motivational techniques during reading instruction. The Pretest, Posttest and Index of Reading Awareness (IRA) were administered to both groups at the beginning and end of the experiment.

To determine the usefulness of motivational techniques in the reading classroom two research questions were posed.

- 1) How do motivational techniques improve students' reading skills?
- 2) What are students' perceptions of selected motivational techniques used to motivate and improve their reading skills?

The findings demonstrated that the use of motivational techniques were helpful in improving the experimental group's reading skills as compared to their counterparts in the Control group. A comparison of the pre and post scores and the IRA scores indicated that the Experimental group benefited from the use of motivational techniques in their reading classroom. The qualitative data from

reading tasks and dialogue journals of the Experimental group showed that the students prefer the learner-centred approach in the reading classroom.

The study implies that teachers should consider the use of motivational techniques in reading instruction.

Penggunaan Teknik-teknik Motivasi untuk Mempertingkatkan Kemahiran Membaca

ABSTRAK

Kajian ini telah menguji keberkesanan pengajaran menggunakan teknik-teknik motivasi untuk mempertingkatkan kemahiran pembacaan dalam Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Kajian ini telah menggunakan satu kaedah eksperimen yang melibatkan dua kelas. Ujian berbentuk Pra dan Post dan soal selidik inventori pembacaan (IRA) dengan dua kelas Bahasa Inggeris di universiti telah digunakan untuk kajian ini. Sebanyak 52 orang pelajar yang diajar oleh dua orang guru telah terlibat dalam kajian ini. Pengajaran menggunakan teknik-teknik motivasi telah diberi kepada subjek kajian di dalam kumpulan eksperimen, manakala kelas perbandingan tidak diberi pendedahan langsung. Kedua-dua kumpulan dikehendaki menduduki Ujian Pra dan Post dan menjawab soal-selidik inventori pembacaan (IRA) pada awal dan akhir kajian.

Untuk mengkaji sejauh manakah keberkesanan menggunakan teknik-teknik motivasi di dalam kelas bacaan dua soalan kajian diajukan:

- (1) Bagaimanakah teknik-teknik motivasi dapat mempertingkatkan kemahiran pembacaan di kalangan subjek kajian ini?
- (2) Apakah persepsi subjek kajian terhadap penggunaan teknik-teknik motivasi di dalam kelas pembacaan yang bertujuan untuk memberi galakan motivasi di samping mempertingkatkan kemahiran pembacaan?

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa penggunaan teknik-teknik motivasi telah membawa peningkatan kemahiran bacaan pada subjek kajian kelas eksperimen berbanding dengan kelas perbandingan. Perbezaan

markah Ujian Pre dan dan Post dan soal-selidik inventori pembacaan (IRA) menunjukkan subjek kajian yang diberi pengajaran menggunakan teknik-teknik motivasi di dalam kelas bacaan mendapat manfaat berbanding dengan kumpulan yang tidak diberi pendedahan langsung. Data kualitatif yang terkumpul dari hasil kerja subjek juga menunjukkan bahawa subjek kajian lebih cenderung kepada penggunaan teknik ini di dalam kelas bacaan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru perlu mempertimbangkan penggunaan teknik-teknik motivasi di dalam kelas bacaan.